

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR) 2021**

### **A. SEMAKAN STATUS RAYUAN BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR) 2021**

- 1. S: Bilakah semakan status kelulusan Rayuan BPR 2021 boleh dibuat?**

J: Semakan status Rayuan BPR 2021 boleh dibuat mulai 18 September 2021. Semakan boleh dibuat secara dalam talian di **Portal Rasmi BPR > Log Masuk BPR**.
  
- 2. S: Bagaimanakah cara untuk saya membuat semakan status kelulusan Rayuan BPR 2021?**

J: Tuan boleh membuat semakan status kelulusan Rayuan BPR 2021 seperti berikut:

  - i. Portal Rasmi BPR (<https://bpr.hasil.gov.my>)**

    - a. Klik Log Masuk BPR
    - b. Masukkan Nombor MyKad
    - c. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
    - d. Masukkan kata laluan
    - e. Klik Menu Semakan Status
    - f. Maklumat yang akan dipaparkan
      - Status Permohonan
        - Lulus
        - Tidak Lulus
      - Maklumat Bayaran (Jika ada)
  - ii. Talian Hotline BKK 1-800-88-2747**
  
- 3. S: Saya telah membuat semakan dan berstatus Lulus Rayuan BPR 2021. Bilakah pembayaran Rayuan BPR 2021 akan dibuat?**

J: Pembayaran Rayuan BPR 2021 adalah seperti berikut:

  - i. Ada akaun bank – Pengkreditan terus ke akaun bank mulai 28 September 2021 secara berperingkat
  - ii. Tiada akaun bank – Penunaian di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 28 September 2021
  
- 4. S: Semakan mendapati Rayuan saya telah diluluskan. Adakah saya akan menerima Surat Makluman Lulus Rayuan bagi tujuan penunaian?**

J: Surat Makluman Lulus Rayuan tidak dikeluarkan kepada pemohon tetapi makluman secara SMS akan dikeluarkan bagi pemohon yang mendaftarkan nombor telefon bimbit.

5. **S: Semakan mendapati Permohonan Rayuan saya berstatus Tidak Lulus. Adakah saya boleh mengemukakan semula dokumen sokongan yang diperlukan bagi membolehkan rayuan saya dipertimbangkan semula?**
- J: Sekiranya Permohonan Rayuan tuan telah diproses dan tidak lulus, rayuan semula dengan mengemukakan dokumen sokongan adalah tidak dibenarkan. Ini kerana kelulusan Rayuan BPR 2021 adalah MUKTAMAD.

LHDNM